

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan tentang status dan hak jika seorang guru tidak mahu mengambil vaksin dan adakah Kementerian akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap guru tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi status vaksinasi warga sekolah termasuk guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja sokongan sekolah.

Guru adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh JPA. Selaras dengan pekeliling tersebut, KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Pada masa yang sama, KPM secara berterusan mengadakan konsultasi untuk memastikan semua guru menerima vaksin. KPM turut melaksanakan pelbagai program kesedaran vaksinasi melalui sesi libat urus, serta pendekatan secara berhemah seperti pujukan oleh bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Guru yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan kepada Ketua Jabatan masing-masing.